

PERBANDINGAN DEFINISI SASTERA ISLAMI MENURUT PANDANGAN SARJANA DUNIA ARAB DAN ALAM MELAYU

COMPARISON OF VIEWS ON THE ISLAMIC LITERATURE DEFINITION BETWEEN ARABIC AND MALAY SCHOLARS

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawiⁱ, Zulkarnain Mohamedⁱⁱ & Pabiyah Toklubok@Hajimamingⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). gamwer_994@yahoo.com.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). nain@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). pabiyah@upm.edu.my

Abstrak

Kepelbagaian dan kerencaman idea mahupun pendapat terhadap sesuatu isu dan perkara merupakan sesuatu yang menarik apatah lagi melibatkan dua kebudayaan yang berbeza. Hal yang sama juga tidak terkecuali melibatkan sastera Islami dalam menghadapi fenomena ini rentetan daripada perkembangan pesat idea ini yang pada awalnya dicetuskan oleh sarjana terkenal dunia Arab iaitu Abu Hasan °Ali al-Nadwiyy sehingga memberi kesan kepada kebudayaan luar antaranya alam Melayu. Bermula dengan detik itu telah menyaksikan percambahan para pengkaji dan cendekiawan khususnya dari dunia Arab dan alam Melayu yang berkecimpung dalam lapangan sastera Islami sehingga memberikan sumbangan yang cukup signifikan ke arah pembinaan asas-asas penting termasuklah berkaitan dengan pendefinisian. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini ingin melakukan perbandingan terhadap pendefinisian sastera Islami antara sarjana dunia Arab dan alam Melayu. Reka bentuk kajian ini secara asasnya ialah analisis kandungan serta menggunakan metode analisis dokumen dan perbandingan sebagai wahana untuk menganalisis pandangan sarjana dunia Arab dan Melayu berkaitan dengan definisi sastera Islami. Hasil akhir kajian ini telah memperlihatkan bahawa kebanyakan pandangan yang dilontarkan oleh sarjana dunia Arab amat mementingkan aspek struktural dalam pembinaan definisi mereka berbanding sarjana alam Melayu yang lebih menggambarkan secara umum dan tersirat. Walaupun demikian, matlamat akhir yang diletakkan oleh para sarjana dari kedua-dua kebudayaan yang berbeza ini tetap menuju kepada arah yang sama iaitu mengajak manusia beriman kepada Allah SWT.

Kata kunci: Sastera Islami, Perbandingan, Dunia Arab, Alam Melayu.

Abstract

The diversity and composition of ideas or opinions on certain issues and matters are particularly interesting especially when this involves two distinct cultures. There is no exception to the Islamic literature in facing this phenomenon due to the rapid development of the idea that was initiated by the renowned Arabic scholar namely Abu Hasan °Ali al-Nadwiyy in the early stage, thus giving an impression to the external culture including the Malays. Starting from that moment, it has witnessed the uprising number of researchers and scholars especially those from the Arab and the Malay worlds, specialising in the Islamic literature field thus providing significant contributions towards the construction of the important principles, including those related to the definition of Islamic literature. Hence, the main objective of this study is to compare the definition of Islamic literature between Arabic and Malay scholars. The basic design of this study consists of content analysis, and the utilisation of document analysis and comparison methods as a means of analysing the opinions from

the Arabic and Malay scholars with regards to the definition of Islamic literature. The final results of this study indicate that most of the views expressed by the Arabic scholars are truly concerned with the structural aspect in the construction of the definition as compared to the Malay scholars. Malay scholars are prone to expressing the definition in a much general and implicit manner. However, the ultimate goal laid by the scholars of these two distinct cultures is similar, which is preaching people to believe in Allah SWT.

Keywords: *Islamic Literature, Comparative, Arab World, Malay World.*

PENDAHULUAN

Menurut Rosni Samah (2015), idea kesusasteraan Islami pada era moden khususnya di dunia Arab telah dicetuskan oleh Abu Hasan Ali Al-Nadwi yang lebih awal melaungkan gagasan sastera Islami menerusi satu esei yang ditulis beliau berkenaan sastera Islami semasa dipilih sebagai salah satu ahli anggota Majma^c al-Lughat al-^cArabiyyah di Damascus, Syria pada tahun 1956. Rentetan dengan itu, idea sastera Islami telah diteruskan oleh Sayyid Qutb melalui bukunya *Fi Tarikh Fikrah wa al-Minhaj* seterusnya legasi tersebut telah disambung oleh adik beliau iaitu Muhammad Qutb dalam buku *Manhaj al-Fan al-Islamiyy*.

Lanjutan pada era terkemudian ini, ramai penggiat dan cendekiawan Arab yang turut berkecimpung secara aktif dalam penulisan lapangan sastera Islami antaranya Najib Kilaniyy melalui karya beliau *Afaq al-Adab al-Islamiyy*,^cAbd al-Basit Badr (*Muqaddimah Linazariyyat al-Adab al-Islamiyy*),^cImad al-Din Khalil (*Madkhal Ila Nazariyyat al-Adab al-Islamiyy*), Ahmad Muhammad^cAliyy (*al-Adab al-Islamiyy Darurah*),^cAli Subhiyy (*al-Adab al-Islamiyy Bayna al-Nazariyyat wa al-Tatbiq*), Mustafa^cUlyan (*Nahw Manhaj Islamiyy fi al-Sh^fr wa Naqdihi*), Sa^cad Abu al-Rida (*al-Nas al-Adabiyy Li al-Atfal Ru'yah Islamiyyah*), Husin^cAli Muhammad (*Al-Qur'an wa Nazariyyat al-Fan*), Mahmud Hasan Zaini (*Dirasah fi Adab al-Da^wat al-Islamiyyah*), Muhammad^cAbd al-Rahman al-Rabi^c (*Min Adab al-Shu^ub al-Islamiyyah*) dan Sayyid Sayyid^cAbd al-Raziq (*Manhaj al-Islamiyy fi al-Naqd al-Adabiyy*) (al-Mahs, 2000). Refleksi daripada keterlibatan mereka dalam lapangan sastera Islami antaranya seperti disebutkan di atas telah menyumbang ke arah keutuhan idea, falsafah dan kritikan sastera Islami yang lebih konkrit dan bermutu.

Beralih kepada alam Melayu, kemunculan sastera Islami mula dikesan seiring dengan penyebaran Islam ke alam ini sekitar pada abad ke-13 masihi. Fakta ini diperkukuhkan dengan kenyataan Ismail Hamid dalam bukunya yang bertajuk "*Arabic and Islamic Literary Tradition*" yang menyatakan bahawa:

"The advent of Islam to the Malay World in the thirteenth century may have accompanied by this tradition that led to the creation of the Malay Islamic hikayats about the Prophet Muhammad. Like the tradition of reading the stories about the Prophet Muhammad during his birthday as practiced in the Near East, the same practice was also adopted in many parts of the Malay Archipelago. Indeed, this customary practice lasted until quite recently and now it is neglected after the introduction of our modern mass media" (Ismail Hamid, 1982)

Berdasarkan petikan di atas, Ismail Hamid menjelaskan bahawa kemunculan genre sastera Islami yang terawal di alam Melayu adalah mengenai hikayat Nabi Muhammad. Hikayat ini bukan sekadar semata-mata sebagai cerita biasa ataupun dongengan namun ia sebenarnya merupakan langkah para pendakwah ketika itu untuk menyebarkan Islam yang masih baru bertapak di alam Melayu dan menerangkan kepada golongan yang baru memeluk Islam tentang ajaran Islam dan ketokohan Nabi Muhammad SAW. Antara cerita hikayat yang terawal membicarakan mengenai baginda Nabi adalah *Hikayat Nur Muhamad*, *Hikayat Khatim al Nabi*, *Hikayat Tatkala Bulan Belah Dua*, *Hikayat Mu'jizat Rasulullah Memanggil Bulan*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan lain-lain lagi (Ismail Hamid, 1982).

Kesemua hikayat yang dinyatakan adalah bercirikan Islam kerana memerihalkan Nabi sebagai subjek dalam hikayat yang dikarang sekaligus menggambarkan kesusasteraan Islami sudah mula bertapak secara tidak langsung seiring dengan penyebaran Islam di alam Melayu. Keadaan ini juga hampir menyerupai tema yang diguna pakai oleh para penyair Arab pada zaman permulaan Islam yang banyak memuji Nabi dan merintih atas kewafatan baginda dalam kebanyakan syair karangan mereka (Ma^caliqiy, 2004).

Selepas itu, perkembangan sastera Islami di alam Melayu telah memperlihatkan kemajuan positif khususnya pada akhir abad ke-16 hingga 17 Masihi menerusi Hamzah Fansuri melalui karya-karya beliau yang berbentuk mistik dan tasawuf (Nurazmi Kuntum, 1991). Namun pada akhir abad ke-19, perkembangan sastera Islami yang berbentuk falsafah dan tasawuf telah mengalami zaman kemunduran kerana wujud pertembungan antara dua budaya berbeza iaitu masyarakat Melayu dan penjajah Barat yang menyaksikan ramai pelajar Melayu yang berpendidikan Inggeris sudah mula mempelajari karangan dan tulisan yang divedok dari Barat (Nurazmi Kuntum, 1991). Ini mengakibatkan sastera Islami kehilangan pengaruh yang besar di kalangan masyarakat Melayu akibat berlakunya pertembungan budaya dan idea yang dibawa oleh penjajah Barat yang mula menguasai alam Melayu ketika era tersebut.

Walaupun demikian, usaha-usaha untuk mengembalikan semula kerelevanan sastera Islami mula dikesan dengan kemunculan novel pertama di alam Melayu sekitar tahun 20-an yang dihasilkan oleh Syed Syeikh Al-Hadi iaitu Hikayat Faridah Hanum. Novel ini walaupun pada realitinya tidak menzahirkan konsep sastera Islami secara langsung, namun sangat sarat dengan nilai-nilai Islam yang ditonjolkan secara tersirat (Mana Sikana, 1983). Idea mengenai sastera Islami kemudiannya diteruskan dengan saranan yang dikemukakan oleh Prof Naquib Al-Attas pada tahun 1972. Nurazmi Kuntum (1991) menyatakan ini berikutan dengan saranan Prof. Naquib Al-Attas ketika syarahan pengukuhan jawatan beliau sebagai professor di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 24 Januari 1972 telah menegaskan bahawa ciri-ciri moden dalam sastera Melayu dimulakan oleh Islam. Ini menunjukkan kredibiliti Islam telah diakui oleh sarjana Melayu khususnya mengenai pengaruh Islam dalam persuratan dan kesusasteraan Melayu.

Bertitik tolak daripada itu telah menyaksikan perkembangan sastera Islami semakin mendapat tempat dan menjadi fokus perbincangan di kalangan tokoh dan cendekiawan Melayu Islam ketika itu seperti Profesor Muhammad Kamal Hassan, Dr. Ismail Ibrahim, Drs. Lutfi Abas, Shahnnon Ahmad, Dr. Ismail Hamid, Muhammad Uthman El Muhammady, Shafie Abu Bakar, Drs Sidi Ghazalba, Hashim Musa dan ramai lagi. Perbincangan mereka ketika itu lebih menjurus kepada pembinaan dan pemurnian konsep sastera Islami yang lebih jelas dan mapan agar mudah dihadam serta dicerna oleh khalayak masyarakat di sekeliling. Fenomena polemik antara Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad berkaitan dengan sastera Islami juga pernah menghangatkan seketika suasana lapangan kesusasteraan ketika itu namun refleksi daripada polemik tersebut telah banyak menyumbang dan mengukuhkan lagi kematangan idea-idea berkenaan sastera Islami secara tidak langsung (Adli Yaacob, 2007).

Perbincangan seterusnya akan melihat dengan lebih lanjut mengenai definisi sastera Islami itu sendiri melalui kaca mata sarjana dan cendekiawan dalam bidang kesusasteraan Islami di dunia Arab dan alam Melayu. Penelitian ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti persamaan mahupun perbezaan yang wujud dalam kerangka pemikiran para sarjana yang terlibat dalam memberikan takrifan dan pengertian yang signifikan terhadap sastera Islami. Hasil yang bakal diperolehi kelak mampu untuk memperlihatkan kepelbagaian dan kerencaman pemikiran sekaligus menonjolkan keistimewaan sastera Islami sebagai satu disiplin ilmu yang merentas zaman dan tempat.

DEFINISI SASTERA ISLAMI MENURUT SARJANA DUNIA ARAB

Pada bahagian ini, definisi sastera Islami akan disoroti dan diperjelaskan menerusi pandangan dan buah fikiran yang telah dicernakan oleh tokoh-tokoh sarjana dan cendekiawan sastera Islami khususnya daripada dunia Arab. Kebanyakan mereka

merupakan sarjana dan cendekiawan yang telah bergelulang sekian lama dalam bidang ini dan banyak menghasilkan karya mahupun penulisan ilmiah yang berkaitan sastera Islami secara khusus mahupun sastera secara amnya. Antaranya ialah Sayyid Qutb, Muhammad Qutb, Muhammad al-Rabi^c al-Hasaniyy al-Nadwiyy, Najib al-Kilaniyy, °Imad al-Din Khalil, °Abd al-Hamid Buzwaynah, Muhammad Hasan Burayghish, °Abd al-Rahman Ra'fat al-Basha, °Abd al-Quddus Abu Salih, Sa°ad Abu Rida dan yang terakhir °Aliyy °Aliyy Subh. Kesemua mereka merupakan sarjana dan cendekiawan yang banyak menyumbang secara langsung terhadap pembinaan konsep, teori mahupun gagasan sastera Islami sehingga mampu menjadi salah satu aliran kesusasteraan moden yang penting buat masa kini. Usaha yang murni dan tulus ini tidak lain dan tidak bukan pastinya bermula dengan kejujuran dan kesungguhan Sayyid Qutb dalam memperkenalkan istilah sastera Islami dalam lingkungan dunia Arab secara khususnya.

Melalui karya beliau yang bertajuk *Fi al-Tarikh Fikrah wa Minhaj*, Sayyid Qutb telah menukulkan definisi sastera Islami sebagai:

وليس الأدب الإسلامي هو وحده الذي يتحدث عن الإسلام أو عن حقبة من تاريخه أو عن شخص من أشخاصه، إنما هو التعبير الناشئ عن إمتلاء النفس بالمشاعر الإسلامية وكفى

Maksudnya, "Sastera Islami itu bukan sahaja membicarakan mengenai Islam semata-mata atau sesuatu tempoh dalam sejarah ataupun berkenaan dengan seseorang individu, bahkan merupakan suatu ungkapan yang terbit daripada jiwa yang dipenuhi dengan gelombang perasaan keislaman" (Qutb, 1983).

Selain itu, Muhammad Qutb dalam karyanya *Manhaj al-Fan al-Islamiyy* juga memberikan definisi sastera Islami atau seni Islam sebagai:

إنما هو الفن الذي يرسم صورة الوجود من زاوية التصور الإسلامي لهذا الوجود. هو التعبير الجميل عن الكون والحياة والإنسان، من خلال تصور الإسلام للكون والحياة والإنسان

Maksudnya, "Seni Islam itu adalah lukisan gambaran kewujudan mengikut tasawur Islam dan juga satu ungkapan menarik tentang kejadian, kehidupan dan manusia berpandukan tasawur Islam yang betul terhadap ketiga-tiga elemen tersebut iaitu kejadian, kehidupan dan manusia" (Qutb 1983).

Beliau juga memperincikan bahawa seni Islam itu merupakan kombinasi atau gabungan yang utuh antara 'al-jamal' dan 'al-haqq' di mana 'al-jamal' itu merupakan hakikat sebenar yang mewarnai sesuatu kejadian itu manakala 'al-haqq' adalah kemuncak 'al-jamal'. Kedua-dua ciri ini akan bertemu di puncak yang menempatkan segala hakikat dan kebenaran tentang kejadian dan kewujudan (Qutb, 1983).

Najib al-Kilaniyy, seorang tokoh dan pemikir sastera Islami terkemuka daripada dunia Arab juga turut memberikan definisi sastera Islami dalam karya terkenal beliau iaitu *al-Islamiyyah wa al-Madhahib al-Adabiyyah*. Definisi beliau boleh dilihat seperti:

ولا ننكر أن الأدب نقد وجبيرة للحياة، وملتزم أيضا بالتصورات الإسلامية، وبالنور الإلهي الذي يكشف الطريق الصحيح أمام أعلامنا وأفكارنا وسلوكنا العملي، والذي يقودنا إلى الحق والخير والجمال

Maksudnya, "Kita tidak membantah bahawa sastera itu adalah kritikan dan anduh kepada kehidupan, namun perlu berilitizam dan berpaksikan kepada tasawur Islam yang jelas yang dipandu oleh cahaya Illahi yang akan menerangi dan memandu ke jalan yang benar bersama mata pena, gagasan, perwatakan kerja kita yang seterusnya akan memimpin kepada kebenaran, kebaikan dan keindahan" (al-Kilaniyy, 1987).

Berdasarkan kepada definisi sastera Islami yang diberikan oleh beliau, Najib al-Kilaniyy sekali-kali tidak menghalang dan mempersetujui kegiatan bersastera namun perlu

diimbangi tujuan dan matlamat sastera itu untuk berbakti kepada agama Allah SWT menerusi kegiatan dakwah dalam penulisan menerusi mata pena, bukan sekadar bersastera untuk memenuhi hawa nafsu dan akal manusia yang pendek. Beliau juga ada memperjelaskan dengan terperinci mengenai definisi dan takrifan sastera Islami dalam karya beliau iaitu *Madkhal Ila al-Adab al-Islamiyy* dengan menampilkan tujuh ciri yang membentuk definisi tersebut dengan sempurna. Tujuh ciri tersebut ialah sastera Islami merupakan suatu ungkapan berseni, indah dan meninggalkan kesan mendalam kepada jiwa khalayak. Juga, bersumberkan kefahaman Islam yang syumul dan berinspirasikan unsur kejadian, kehidupan serta insan yang selaras dengan asas pegangan akidah muslim. Di samping itu juga, ia mampu mencetuskan rasa keseronokan dan mempunyai elemen kebaikan serta manfaat selain dapat menggerakkan suara hati dan mental sebagai pemangkin dalam membuat keputusan dan pendirian berdasarkan apa yang dilakukan (al-Kilaniyy, 1992).

Selain itu, °Imad al-Din Khalil, seorang sarjana dan pengkritik sastera Islami terkenal di dunia Arab juga ada memberikan definisi beliau tersendiri mengenai sastera Islami iaitu:

يمكن تعريف الأدب الإسلامي بإيجاز بالغ بأنه تعبير جمالي مؤثر بالكلمة عن التصور الإسلامي للوجود

Maksudnya, “*Definisi sastera Islami yang mungkin boleh diberikan secara ringkas dan tepat iaitu suatu ungkapan kata-kata yang indah dan meninggalkan kesan mendalam yang bertitik tolak dengan tasawur Islam terhadap sesuatu kewujudan atau kejadian*” (Khalil 1987:69).

Definisi yang diberikan oleh beliau merupakan definisi yang agak ringkas namun meliputi segala aspek yang diperlukan oleh unsur-unsur sastera antaranya ungkapan kata-kata yang berkaitan dengan unsur kewujudan atau kejadian seperti alam, manusia dan lain-lain. Definisi sastera yang sedia ada hanya ditambah dengan penghayatan atau penggunaan tasawur Islam dalam berkarya agar kelihatan selari dan menepati *nature* sastera Islami yang dikehendaki.

Di samping itu, seorang tokoh sastera Islami dari Syria iaitu Muhammad Hasan Burayghish juga menukulkan definisi sastera Islami menerusi karyanya, *al-Adab al-Islamiyy Usuluhu wa Simatuhu*. Definisi yang diberikan beliau berbunyi:

التعبير الفني الجميل للأديب المسلم عن تجربته في الحياة من خلال التصور الإسلامي

Maksudnya, “*Suatu ungkapan yang berseni dan indah yang diungkapkan oleh sasterawan Islam mengenai pengalaman kehidupannya dalam garisan tasawur Islam*” (Burayghish, 1996).

Menerusi definisi ini, Muhammad Hasan Burayghish menetapkan syarat bahawa sesuatu karya yang berteraskan sastera Islami mestilah ditulis oleh penulis, pengkarya ataupun sasterawan yang beragama Islam. Jika dilihat sepintas lalu, definisi yang diberikan oleh beliau agak ketat berbanding definisi sastera Islami yang dikeluarkan oleh sarjana lain yang kebanyakannya hanya mensyaratkan bahawa karya sastera Islami itu hanya perlu mengikut tasawur atau gambaran Islam yang benar dan tepat. Walaupun demikian, syarat sasterawan Islam itu dikenakan kemungkinan menjurus kepada pemeliharaan roh dan kualiti sesuatu karya sastera Islami tersebut yang pada dasarnya berbalik kepada pegangan dan kepercayaan yang dianuti oleh seseorang sasterawan itu.

Selain itu, seorang tokoh sastera Islami dari Syria iaitu °Abd al-Quddus Abu Salih juga mendefinisikan sastera Islami sebagai:

أن الأدب الإسلامي أدب مضمون بالدرجة الأولى

Maksudnya, “*Sastera Islami itu adalah sastera yang mempunyai kualiti dan tahap yang tertinggi*” (al-Daym, 2002).

Menurut beliau, pengertian kualiti dan tahap tertinggi itu merujuk kepada sejauh mana pengaplikasian dan penghayatan seseorang sasterawan itu terhadap kefahaman dan gambaran Islam yang sebenar dan tepat meliputi unsur kejadian, kehidupan dan insan (al-Daym, 2002). Seorang lagi tokoh sastera Islami yang cukup terkenal di seantero dunia Arab yang berasal dari Syria iaitu ^oAbd al-Rahman Ra'fat al-Basha juga tidak ketinggalan memberikan definisi sastera Islami dalam buku beliau yang cukup masyhur iaitu *Nahw Mazhab Islamiyy fi al-Adab wa al-Naqd*. Beliau mendefinisikan sastera Islami sebagai:

هو التعبير الفني الهادف عن وقع الحياة والكون والإنسان على وجدان الأديب تعبيرا ينبع من التصور الإسلامي للخالق عز وجل ومخلوقاته

Maksudnya, "Suatu ungkapan yang berseni dan bermatlamat mengenai kehidupan, kejadian dan insan daripada suara hati pengkaryanya yang berpandukan tasawur Islam kepada Pencipta dan sekalian makhluk-Nya" (al-Basha, 1998).

Seterusnya, Sa^oad Abu Rida, seorang sarjana sastera Islami dari bumi Mesir turut memberikan pandangan dan pendapat yang tersendiri berkaitan definisi sastera Islami namun memberikan sedikit komentar dan kritikan terhadap definisi tersebut. Menurut beliau, kebanyakan definisi sastera Islami hanya menggariskan keperluan untuk beriltizam dengan tasawur Islam terhadap unsur kejadian, kehidupan mahupun insan, namun gagal untuk memperincikan tentang arah yang perlu dilaksanakan. Beliau mengemukakan kritikan tersebut dan penambahan kepada definisi yang sedia ada seperti berikut:

وإنما تتطلب طبيعة وجوده في الحياة كإنسان سوى أن يتعامل مع من فيها، وما فيها، وأن يتكيف معها، ثم يكون له موقف منها يتجلى في تعبيره الجميل عنها، في ضوء قيم الإسلام ومبادئه

Maksudnya, "Sesungguhnya apa yang dituntut dan diperlukan daripada seorang manusia dalam hakikat kewujudannya dalam kehidupan ialah apakah urusan dan dengan siapa dia berurusan di samping kemampuan untuk menyesuaikan diri dalam suasana kehidupan kemudian mampu untuk membina pendirian tersendiri yang diekspresikan dalam bentuk ungkapan yang indah, selaras dengan konteks nilai dan prinsip Islam" (al-Rida, 1996).

Muhammad al-Rabi^o al-Hasaniyy al-Nadwiyy, seorang tokoh sastera Islami dari bumi Lucknow, India juga banyak mengkaji dan mengulas mengenai isu sastera Islami terutamanya dalam karya beliau yang bertajuk *al-Adab al-Islamiyy wa Silatuhu bi al-Hayat*. Dalam karya tersebut, beliau ada menyebut mengenai definisi sastera Islami iaitu:

إن الأدب الإسلامي يرى مجالات العمل في الكون والحياة ويميز بين اللائق بإنسانية الإنسان وغير اللائق بها، فهو أدب ملتزم في هذا المعنى، ولكنه ملتزم بالمفيد الصالح لا بالجمود والتقليد

Maksudnya, "Sastera Islami itu memerhatikan segenap aspek dalam unsur alam dan kehidupan serta membezakan kesempurnaan atau sebaliknya bagi sifat kemanusiaan bagi seorang manusia. Definisi ini merujuk kepada komitednya sastera Islami tersebut di mana komited itu tertumpu kepada yang memberikan kebaikan dan manfaat, tidak sekali-kali cenderung kepada kejumudan dan bertaqlid tanpa asas dan pegangan yang kukuh" (al-Nadwiyy, 2005).

Definisi yang dikemukakan oleh al-Nadwiyy ini menitik beratkan perincian dan sumbangan sastera Islami dalam menghasilkan karya yang bermanfaat kepada khalayak. Beliau juga ada memberikan ciri-ciri yang wujud pada sesebuah sastera bukan Islami yang antara lainnya tidak mementingkan persoalan iltizam atau komited dalam berkarya di samping tidak mengambil berat dan mencampur adukkan unsur kebaikan dan kemaksiatan (al-Nadwiyy, 2005). Punca berlakunya sedemikian kerana terlalu mengikut kehendak hawa nafsu yang tidak dibimbing dan dipandu ke arah kebaikan dan kebenaran. Berbeza dengan

sastera Islami, nilai kesempurnaan yang wujud pada kefahaman sastera tersebut haruslah bertitik tolak daripada elemen pemanfaatan dan pembangunan jati diri yang mampu diberikan oleh penulis atau pengkarya terhadap khalayak menerusi karya yang dihasilkan oleh mereka.

Sarjana sastera Islami dunia Arab lain yang turut mengemukakan definisi dan takrifan sastera Islami adalah seperti ^oAbd al-Hamid Buzwaynah dan ^oAliyy ^oAliyy Subh. ^oAbd al-Hamid Buzwaynah seperti contoh memberikan pendefinisan sastera Islami dalam karyanya *Nazariyyat al-Adab fi Dhawq al-Islam* seperti:

إن الأدب الإسلامي يصور لنا الوجود - بما فيه حياة الإنسان - تصويراً جميلاً، نابضاً بالحياة، مشرقاً، مطابقاً تماماً
المطابقة التصوير الإسلامي الأصيل

Maksudnya, “*Sesungguhnya sastera Islami itu memberikan gambaran keseluruhan kepada kita mengenai hakikat kewujudan seperti yang dialami dalam kehidupan seseorang manusia dalam bentuk ungkapan yang indah, terang, menjadi nadi kepada kehidupan serta selaras dan bersesuaian dengan tasawur Islam yang sebenar*” (Buzwaynah, 1990).

Manakala, ^oAliyy ^oAliyy Subh pula memberikan definisi sastera Islami seperti:

هي التجربة الشعورية التي تنبع من الوجدان والخواطر المفعمة بالقيم الإسلامية في بناء غني يعتمد على وسائل
التأثير والإقناع

Maksudnya, “*Suatu pengalaman perasaan yang bersumberkan hati nurani dan pemikiran yang dipenuhi dengan nilai-nilai keislaman untuk tujuan pembinaan yang sempurna dengan menggunakan cara atau teknik yang mampu mempengaruhi dan memberikan kesan*” (Subh, 1987).

Menurut beliau, teknik atau cara yang digunakan untuk menarik minat khalayak sekaligus mampu mempengaruhi dan memberikan kesan kepada mereka adalah menerusi penggunaan lafaz-lafaz yang fasih dan memenuhi piawai bahasa yang terkini. Selain itu, penggunaan gaya bahasa yang fasih juga perlu dititik beratkan, serta memberi perhatian kepada susunan ayat yang sistematik dan teratur di samping menggambarkan sesuatu dengan menggabungkan unsur imaginasi dan akal secara bersama. Juga, mengutamakan keselarasan dan kesinambungan irama yang mampu menusuk hati seperti penggunaan irama yang rapi pada gubahan puisi serta kesinambungan peristiwa yang dinukilkan dalam cerita pendek atau novel (Subh, 1987).

Kesemua ini merupakan perincian kepada teknik atau cara yang dicadangkan oleh sarjana sastera Islami ^oAliyy ^oAliyy Subh bagi menarik dan mempengaruhi khalayak tentang keistimewaan karya sastera Islami sekaligus mampu menandingi kehebatan karya-karya lain yang tidak bermetodologikan Islam.

DEFINISI SASTERA ISLAMI MENURUT SARJANA ALAM MELAYU

Merujuk kepada perkembangan sastera Islami di alam Melayu khususnya di bumi Malaysia pada era moden, menurut Mana Sikana (1983), Syed Syeikh Al-Hadi merupakan pelopor yang terawal dalam memperkenalkan idea sastera Islami yang diterjemahkan melalui karya beliau yang berbentuk novel iaitu Hikayat Faridah Hanum. Berkenaan dengan novel ini, ia merupakan novel pertama yang ditulis di alam Melayu sekitar tahun 1926. Menurut Mana Sikana (1983), novel ini banyak mengandungi dan sarat dengan nilai-nilai Islam dan elemen keagamaan yang mampu untuk memberikan pengajaran kepada khalayak pembaca.

Rentetan dengan itu, muncul sarjana Melayu antaranya Yusof Zaki Yaacob yang juga merupakan seorang ilmuwan Islam dan penulis yang cukup tersohor di negeri Kelantan khususnya dan Malaysia amnya dalam membicarakan definisi sastera Islami dengan lebih terperinci. Menurut Yusof Zaki Yaacob, beliau berpendapat bahawa sastera Islami adalah sastera yang mengandungi unsur dakwah (Shafie Abu Bakar, 1980).

Takrifan yang diberikan oleh beliau pada dasarnya terlalu umum dan agak sukar untuk memahami matlamat sebenar yang diperjuangkan oleh beliau menerusi definisi yang dikemukakan itu. Ini kerana skop dakwah juga terlalu besar dan mempunyai banyak kriteria dan ciri-ciri yang mirip kepada dakwah tetapi pada hakikatnya merupakan ideologi yang bertentangan dengan Islam.

Definisi sastera Islami yang seterusnya selepas era Yusof Zaki Yaacob telah dihangatkan kembali oleh sasterawan terkenal di Malaysia iaitu Shahnnon Ahmad melalui penerbitan karyanya iaitu *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Melalui buku ini, beliau telah memperkenalkan buat pertama kali gagasan dan idea beliau mengenai sastera Islami secara langsung dan terperinci. Juga, beliau telah membahaskan konsep dan definisi sastera Islami dengan menyimpulkan bahawa sastera Islami adalah sastera kerana Allah SWT, berhikmah kepada manusia sejagat (Shahnnon Ahmad, 1981; 1980).

Melalui pendefinisian yang diberikan oleh Shahnnon Ahmad ini, beliau telah menitik beratkan dua aspek atau ciri yang memayungi sesebuah karya sastera Islami itu untuk dilabelkan sebagai sastera Islami yang sebenar. Pertama, seseorang yang ingin berkarya mestilah memusatkan gerak kerja sepenuhnya semata-mata ingin mencari keredhaan daripada Allah SWT dan tidak mengharapkan ganjaran atau laba daripada manusia. Kedua, apabila seseorang pengkarya itu melakukan aktiviti pengkaryaan semata-mata kerana Allah SWT dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang habuan dunia, secara sendirinya hikmah atau kesan pengkaryaan itu akan mempengaruhi jiwa dan memberikan kesan mendalam kepada khalayak.

Secara tidak langsung, khalayak telah memperolehi manfaat dan kebaikan hasil daripada aktiviti pengkaryaan yang dilakukan oleh pengkarya yang ikhlas "bersastera kerana Allah SWT" (Shahnnon Ahmad, 1981). Definisi yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad ini secara umumnya tampak ringkas dan sedikit kabur, namun di sebalik falsafah pendefinisian tersebut tersirat seribu pemaknaan dan hikmah yang mampu untuk disingkap dan diterokai dengan seluasnya.

Walau bagaimanapun, rentetan daripada pencerahan definisi sastera Islami yang diberikan oleh Shahnnon Ahmad, telah wujud sedikit reaksi daripada Kassim Ahmad yang juga merupakan seorang penulis dan ahli politik sosialis di Malaysia. Kassim Ahmad mendakwa bahawa definisi yang dikemukakan oleh Shahnnon agak kabur dan tidak jelas serta bermaksud umum.

Berikutan dengan itu, telah berlaku siri-siri perdebatan yang hangat antara beliau dan Shahnnon yang berkisar mengenai definisi dan fundamental sastera Islami yang akhirnya telah mewujudkan satu polemik baru dalam dunia kesusasteraan Melayu selepas polemik pertama yang membabitkan Syed Muhammad Naquib al-Attas dengan Ismail Hussien berkenaan modenisme dalam kesusasteraan Melayu. Siri-siri perdebatan itu telah disiarkan oleh *Majalah Dewan Sastera* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sekitar tahun 1983 dan akhirnya telah dibukukan secara rasmi pada tahun 1987.

Merujuk kepada sanggahan Kassim Ahmad terhadap definisi sastera Islami yang diutarakan oleh Shahnnon Ahmad, beliau juga mempunyai definisi tersendiri terhadap sastera Islami dan mendakwa definisi yang dikemukakan beliau lebih bersifat objektif dan berfokus berbanding Shahnnon. Beliau telah berpendapat bahawa sastera Islami itu ialah kesusasteraan yang dihasilkan oleh manusia mengikut estetika Islam untuk manusia (Kassim Ahmad, 1987). Terdapat dua ciri penting yang membentuk pendefinisian Kassim Ahmad iaitu yang pertama dihasilkan oleh sesiapa sahaja walaupun seseorang itu bukan berakidahkan tauhid. Kedua, karya yang dihasilkan itu mestilah selaras dan berpandukan kepada estetika Islam.

Walaupun demikian, definisi yang dikemukakan oleh beliau telah disanggah oleh Shahnnon Ahmad dengan mendakwa definisi tersebut membawa tafsiran dan interpretasi yang mengelirukan. Pertama, Shahnnon Ahmad membantah keterbukaan Kassim Ahmad dalam memberikan kelonggaran kepada sesiapa sahaja untuk menulis karya berteraskan sastera Islami. Beliau menjelaskan bahawa sastera Islami adalah merupakan sastera yang

berasaskan tauhid kepada Allah SWT dan bukan sastera sebarangan. Adalah sesuatu yang mustahil dan pelik sastera yang berpaksikan akidah yang benar ditulis oleh mereka yang tidak mengakui dan beriman kepada Allah SWT yang satu. Beliau juga menjelaskan lagi bahawa sastera Islami merupakan ibadah dan amalannya yang akan dibawa sebagai bekalan menuju kepada Allah SWT kelak.

Dalam hal ini, jika sastera itu ditulis oleh orang yang tidak berpaksikan akidah yang sahih walaupun mengikut estetika Islam, amalannya itu merupakan sesuatu yang sia-sia dan tidak diterima oleh Allah SWT kerana asas pegangan yang tidak mengakui keesaan-Nya. Kedua, Shahnnon Ahmad mendakwa istilah 'estetika Islam' yang diperjuangkan oleh Kassim Ahmad juga tidak menepati konsep *worldview* Islam yang sebenar. Beliau menjelaskan bahawa estetika Islam yang difahami oleh Kassim Ahmad hanyalah bersandarkan kepada nilai keindahan universal yang dipautkan atas nama Islam.

Nilai keindahan tersebut pada hakikatnya menjangkau garisan sempadan yang ditetapkan oleh syariat Islam dan tidak berfungsi dalam menyatakan takrifan sebenar keindahan yang dikehendaki Islam. Menurut Shahnnon Ahmad, istilah sebenar yang patut digunakan Kassim ialah 'pandangan hidup Islam' dan bukan 'estetika Islam'. Pada hakikatnya, 'estetika' hanyalah merupakan satu jujuk atau sebahagian kecil daripada 'pandangan hidup Islam' yang sebenarnya lebih tepat untuk digunakan dalam menggambarkan kesyumulan Islam dalam segenap aspek dan perkara (Shahnnon Ahmad, 1987).

Secara keseluruhannya, definisi sastera Islami yang dikemukakan oleh dua orang tokoh ini mempunyai kelebihan dan kekurangan yang seharusnya perlu untuk dilihat dan dinilai kembali secara adil dan ilmiah serta tidak dipengaruhi oleh sentimen emosi. Walau bagaimanapun, polemik sastera Islami yang telah dicetuskan oleh mereka berdua merupakan satu perdebatan ilmiah yang menarik sekaligus telah membuka mata para pengkaji dan sarjana khususnya dalam arena kesusasteraan Melayu untuk kembali menyumbang tenaga dan kepakaran dalam memperkasakan sastera Islami di alam Melayu khususnya di Malaysia.

Sarjana lain yang turut berkongsi pandangan dan buah fikiran mengenai definisi sastera Islami antara lainnya seperti Mohd Kamal Hassan, Ismail Ibrahim, Muhammad Uthman El-Muhammady, Mana Sikana dan juga S. Othman Kelantan. Kebanyakan mereka ini merupakan ahli akademik dan juga merupakan penulis dan pengkarya yang berkecimpung secara langsung dalam arena kesusasteraan Islami. Mohd Kamal Hassan (1977) sebagai contoh dalam melontarkan idea beliau mengenai sastera Islami telah berpendapat bahawa ia merupakan satu jenis *literature engagee* yang mendukung nilai-nilai Islam dan visinya tentang realiti dan berusaha mengubah masyarakat ke arah penghayatan nilai-nilai dan pandangan hidup itu.

Melihat kepada definisi yang diberikan oleh beliau, ternyata wujud satu pencerahan terhadap definisi itu sendiri dan mempunyai matlamat objektif yang ingin dicapai. Fungsi sastera Islami menurut beliau haruslah bertindak sebagai pemangkin dan agen perubahan besar kepada masyarakat dalam mengolah unsur realiti kepada bentuk yang mudah difahami melalui karya sastera bersandarkan nilai Islam yang sebenar. Tugas seseorang penulis atau pengkarya juga haruslah bertitik tolak daripada kefahaman falsafah kewujudan insan yang diciptakan oleh Allah SWT dan keperluan untuk mengabdikan diri kepada-Nya dengan seikhlas mungkin (Mohd Kamal Hassan, 1977).

Ismail Ibrahim pula memberikan definisi sastera Islami yang agak ringkas namun mempunyai maksud dan pengertian yang cukup mendalam. Beliau menjelaskan bahawa sastera Islami itu merupakan hasil tulisan yang berasaskan tauhid (Ismail Ibrahim, 1977). Berdasarkan definisi ini, dapat disimpulkan beberapa perkara iaitu pertama karya sastera Islami itu mestilah ditulis oleh penulis muslim yang berakarkan akidah yang sahih. Ini bermakna sesebuah karya yang ditulis oleh penulis yang menganut agama selain Islam tidak mendapat tempat dalam sastera Islami walaupun karyanya itu mengandungi elemen dan nilai-nilai yang selari dengan Islam. Kedua, sesebuah karya yang ditulis berasaskan tauhid

kepada Allah SWT pasti akan memahami hakikat kewujudan sebenar manusia itu dijadikan-Nya di muka bumi ini. Oleh yang demikian, ini akan mendorong seseorang penulis itu menghasilkan karya yang bermanfaat dan mengandungi unsur kebaikan demi memenuhi matlamat sebagai seorang *da'i* yang bekerja di jalan Allah SWT (Ismail Ibrahim, 1977).

Muhammad Uthman El-Muhammady, seorang tokoh pemikir Islam di Malaysia turut memberikan definisi sastera Islami menerusi karangan utama beliau, *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan*. Beliau menyifatkan sastera Islami atau istilah yang digunakan dalam buku tersebut sebagai persajakan Islam sebagai sastera tradisional yang memiliki ciri-ciri seni suci atau *sacred art* (El-Muhammady, 1977). Seni suci yang dimaksudkan dalam definisi tersebut ialah kandungan utama yang membentuk sastera itu adalah bersumberkan secara langsung daripada Allah SWT dan sampai kepada manusia dalam bentuk kefahaman Islam melalui utusan-Nya, Nabi Muhammad SAW. Dalam erti kata lain juga, sastera atau persajakan Islam itu adalah bersifat keislaman secara keseluruhannya daripada aspek luaran mahupun dalaman (El-Muhammady, 1977).

Definisi yang dikemukakan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady ini sekaligus membuktikan sastera Islami itu sebagai sesuatu sastera yang tulen, bersih daripada unsur-unsur luar yang merosakkan dan paling penting bersumberkan wahyu Allah SWT. Ini secara tidak langsung telah menaikkan nilai prestij sastera Islami itu untuk lebih dikenali seterusnya dipraktikkan dalam penulisan atau pengkaryaan.

Seterusnya, S. Othman Kelantan dalam bukunya yang bertajuk *Arah Pemikiran Sastera Malaysia* ada juga menukilkan definisi sastera Islami iaitu satu bentuk kesusasteraan dalam media bahasa khususnya yang bertulis yang menggambarkan cita-cita keislaman sebagai visi, menerapkan pengajaran al-Quran, al-Hadith dan sunah Rasulullah SAW, yang menjalankan kemurnian cita-cita dan pengajaran Islam sebagai hasil interpretasi daripada Al-Qur'an dan Al-Hadith (S. Othman Kelantan, 1987).

Jika diteliti semula, definisi sastera Islami yang dikemukakan oleh beliau agak ketat dan mempunyai syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Secara asasnya, beliau meletakkan pengajaran Al-Qur'an dan Al-Hadith sebagai elemen yang perlu dipatuhi dalam merangka karya berbentuk sastera Islami, walhal sebenarnya asas sastera Islami itu lebih bersifat luas dan terbuka sesuai dengan pandangan hidup Islam yang bersifat syumul. Tanpa menafikan kedua-dua sumber utama Islam itu adalah penting dalam kandungan sesuatu karya sastera Islami, corak dan sumber pengkaryaan itu masih boleh diperolehi melalui pemerhatian kepada unsur kejadian di bumi ini seperti alam, manusia dan segala makhluk ciptaan-Nya asalkan berbalik semula kepada niat asal untuk menghayati dan mengakui kebesaran-Nya.

Yang terakhir, Mana Sikana yang merupakan seorang ahli akademik, pengkaji dan juga penulis yang terkenal di Malaysia dalam lapangan kesusasteraan Islami turut memberikan definisi dan takrifan sastera Islami. Beliau menjelaskan definisi sastera Islami dalam karyanya yang bertajuk *Sastera Islam Di Malaysia* sebagai sebuah sastera masyarakat yang ingin membawa masyarakatnya ke arah keislaman (Mana Sikana, 1983).

Definisi yang diberikan oleh Mana Sikana kelihatan agak ringkas dan berbentuk umum namun secara fundamentalnya mempunyai cakupan yang cukup luas. Pertama, sebagai sebuah karya sastera Islami, sasaran khalayak tidak lain hanya kepada masyarakat keseluruhannya sama ada yang muslim ataupun tidak. Kedua, tujuan sastera Islami yang telah dijelaskan oleh Mana Sikana adalah untuk membawa masyarakat ke arah keislaman yang sebenar. Ini secara langsung membuktikan sastera Islami adalah sastera dakwah yang berfungsi memberikan kefahaman Islam yang syumul kepada masyarakat umumnya. Ia bukan sekadar memberikan ungkapan yang indah dan berseni untuk hiburan halwa telinga semata-mata, bahkan matlamatnya menjangkau lebih luas daripada itu untuk menyebarkan Islam melalui wahana sastera.

Oleh demikian, secara tidak langsung, penulis atau pengkarya sastera Islami mengikut definisi Mana Sikana itu semestinya adalah seorang muslim dan berakidah tauhid. Sesuatu yang agak mustahil juga jika wujud penulis bukan Islam yang berniat menulis karya sastera Islami untuk berdakwah kepada orang lain sedangkan asas pegangan akidahnya

adalah mensyirikkan Allah SWT. Jika wujud sekalipun karya yang ditulis itu selari dengan kefahaman Islam, ia hanya sekadar kebetulan kerana nilai dan fundamental Islam adalah bersifat universal dan merentasi pelbagai agama dan kepercayaan yang wujud di muka bumi ini.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, definisi sastera Islami yang dikemukakan oleh para sarjana dunia Arab banyak meletakkan dan mengutamakan kepentingan gambaran yang diciptakan oleh Allah SWT di muka bumi ini seperti gambaran alam, manusia ataupun insan dan juga kehidupan. Definisi sastera Islami mengenai unsur alam dan lain-lain ini boleh disoroti menerusi pandangan yang diberikan oleh Muhammad Qutb, Najib al-Kilaniyy, °Imad al-Din Khalil, °Abd al-Quddus Abu Salih, °Abd al-Rahman Ra'fat al-Basha, Sa°ad Abu Rida, Muhammad al-Rabi° al-Hasaniyy al-Nadwiyy dan juga °Abd al-Hamid Buzwaynah.

Pengungkapan mengenai unsur alam dan lain-lain pada hakikatnya merupakan satu pendekatan yang ingin diterapkan oleh kebanyakan sarjana dunia Arab dalam pembinaan definisi sastera Islami. Ini kerana penggambaran alam merupakan sifat universal yang terpenting dan perlu ditonjolkan dalam sesebuah karya sastera Islami. Ini secara tidak langsung selaras dan sekata dengan sifat atau *nature* sastera Islami itu sendiri yang bersifat °*alamiyyah* dan *shumuliyyah*.

Hakikatnya, definisi yang telah diberikan oleh para sarjana dunia Arab walaupun masih boleh diperbaiki, dikritik dan dilakukan penambah baik, namun secara keseluruhannya telah merangkumi dan menepati arah dan matlamat yang ingin dituju oleh sastera Islami. Tanpa mengeneikan elemen seni dan indah dalam mengutarakan sesuatu ungkapan serta sasaran objek yang meliputi unsur-unsur yang wujud seperti kejadian alam, manusia dan kehidupan, faktor keselarasan dengan tasawur dan pandangan Islam yang sebenar juga tidak dipinggirkan sama sekali dalam pembinaan definisi sastera Islami. Faktor ini sebenarnya yang bertindak sebagai pemisah dalam membezakan sastera Islami dengan sastera bukan Islami. Juga, menjadi kekuatan dan nadi utama dalam menonjolkan kehebatan dan keunikan sastera Islami sebagai sebuah sastera alternatif masa kini.

Beralih kepada pandangan sarjana alam Melayu pula, secara umumnya keseluruhan definisi sastera Islami yang telah direncanakan oleh sebahagian sarjana dan tokoh kesusasteraan di alam Melayu khususnya di Malaysia telah memperlihatkan kerencaman dan kepelbagaian definisi yang dibina oleh mereka. Secara khususnya, kebanyakan definisi yang dilontarkan oleh sarjana alam Melayu adalah bersifat ringkas namun padat dan mempunyai pengertian serta cakupan yang luas. Kebanyakan mereka lebih gemar memberikan definisi yang pendek dan tidak meleret-leret. Ini boleh ditinjau menerusi definisi Yusof Zaki Yaacob dan Mana Sikana yang menyimpulkan bahawa sastera Islami adalah sastera untuk berdakwah kepada masyarakat.

Selain itu, definisi yang dikemukakan oleh Ismail Ibrahim, Muhammad Uthman El-Muhammady dan Shahnnon Ahmad pula cenderung dalam menyatakan bahawa sastera Islami itu sewajibnya ditulis oleh penulis yang berakidahkan tauhid kepada Allah SWT. Ini dapat dilihat secara terus menerusi ungkapan-ungkapan yang digunakan oleh mereka dalam memberikan definisi sastera Islami seperti contoh ungkapan "berasaskan tauhid" oleh Ismail Ibrahim, "sastera kerana Allah SWT" oleh Shahnnon Ahmad, dan "seni suci" oleh Muhammad Uthman El-Muhammady. Ungkapan-ungkapan tersebut secara langsung memberikan pemaknaan dan isyarat bahawa tugas penulis dan pengkarya itu terletak di bahu penulis muslim dan menjadi kewajipan kepada mereka untuk menyebarkan risalah Islam kepada khalayak menerusi medium kesusasteraan.

Ini sama sekali berbeza dengan pendirian Kassim Ahmad yang lebih bersifat terbuka dan liberal dalam memberikan definisi sastera Islami. Beliau mendakwa sastera Islami boleh ditulis oleh sesiapa sahaja tanpa mengira agama dan kepercayaan yang dianuti asalkan bertepatan dan selari dengan estetika Islam. Kenyataan Kassim Ahmad ini secara objektifnya tidak menepati semangat sastera Islami itu sendiri. Ini kerana sastera Islami

secara tunjangnya adalah bersumberkan al-Quran dan seharusnya menjadi tanggung jawab kepada orang Islam amnya dan penulis muslim khususnya untuk memelihara keaslian dan kesuciannya daripada dinodai oleh mereka yang tidak bertanggung jawab (Mustaffa Suhaimi, 1977). Kesimpulannya, definisi yang dilontarkan oleh Kassim Ahmad selayaknya ditolak bagi memelihara kesucian sastera Islami itu dan Islam secara keseluruhannya.

Seterusnya, melihat kepada keseluruhan definisi sastera Islami yang diberikan oleh para sarjana dan ilmuwan dunia Arab dan alam Melayu, terdapat empat kesimpulan penting yang dapat dirumuskan.

Pertama, kebanyakan definisi yang dilontarkan oleh sarjana dunia Arab lebih mementingkan pemerian ungkapan “berseni dan indah” dalam pembinaan definisi sastera Islami mereka. Ini sama sekali berbeza dengan pendekatan pembinaan definisi oleh sarjana alam Melayu yang lebih menitik beratkan pemerian definisi yang ringkas dan padat namun mempunyai maksud dan pengertian yang tersirat.

Kedua, kebanyakan definisi yang diberikan oleh sarjana dunia Arab banyak meletakkan gambaran objek seperti alam, manusia, kehidupan dan lain-lain sedangkan berdasarkan definisi yang diberikan oleh sarjana alam Melayu, amat sedikit pemerihalannya mengenai objek dan kebanyakannya adalah disandarkan kepada umum.

Ketiga, definisi sastera Islami yang dikemukakan oleh kebanyakan sarjana dan tokoh dunia Arab meletakkan syarat asas untuk diterima sebagai karya sastera Islami antaranya mestilah selari dengan *worldview* dan syariat Islam. Ini sama sekali berbeza dengan pendekatan pemerian definisi oleh sarjana alam Melayu yang lebih gemar merumuskan syarat-syarat tersebut dalam satu ungkapan yang ringkas dan padat.

Keempat, walaupun mempunyai kepelbagaian takrifan dalam mengungkapkan definisi sebenar sastera Islami, ini tidak menjarakkan tujuan dan matlamat akhir kesemua mereka yang bertungkus lumus memberikan idea untuk pengukuhan definisi tersebut. Pada hakikatnya, kesemua mereka bersatu hati dalam menyuarakan matlamat akhir sastera Islami semata-mata untuk kemuliaan *al-din al-Islamiyy* dan untuk meninggikan kalimah tauhid melalui medium kesusasteraan. Hakikatnya, perbezaan yang wujud hanyalah berkisar kepada aspek luaran seperti struktur perkataan dan kombinasi ayat namun secara dalamannya matlamat dan tujuan akhir tetap menuju kepada garisan penamat yang sama.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, kepelbagaian definisi sastera Islami yang dikemukakan oleh para sarjana dunia Arab mahupun alam Melayu tidak menghalang kepada satu pengintegrasian idea dan pemikiran untuk membawa aliran ini kepada satu peringkat yang tertinggi dan dihormati. Meskipun wujud bermacam pengertian dan maksud mengenai sastera Islami, namun secara realitinya kesemua mereka masih berpegang dan bersandarkan kepada prinsip tauhid serta berpaksikan kepada fundamental akidah, syariat dan akhlak tanpa ragu. Kepelbagaian yang wujud meskipun mungkin dilihat tidak enak pada satu sudut, tapi hakikatnya ia saling lengkap-melengkapi bagi menuju kepada satu kesempurnaan yang hakiki.

BIBLIOGRAFI

- al-Basha, °Abd al-Rahman Ra'fat. 1998. *Nahw Madhhab Islamiyy Fi al-Adab Wa al-Naqd*. Cyprus: Dar al-Adab al-Islamiyy.
- Burayghish, Muhammad Hasan. 1996. *Al-Adab al-Islamiyy Usuluhu Wa Simatuhu*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Buzwaynah, °Abd al-Hamid. 1990. *Nazariyyat al-Adab Fi Dhawq al-Islam*. Amman: Dar al-Bashir.
- al-Daym, Sabir °Abd. 2002. *Al-Adab al-Islamiyy Bayn al-Nazariyyat Wa al-Tatbiq*. t.tp: Dar al-Shuruq.
- el-Muhammady, Uthman. 1977. *Memahami Islam, Insan, Ilmu Dan Kebudayaan*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ismail Hamid. 1982. *Arabic and Islamic Literary Tradition*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ismail Ibrahim. 1977. *Tulisan Yang Berasaskan Tauhid*. Dewan Sastera Ogos.
- Kassim Ahmad. 1987. *Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan Kepada Shahnnon Ahmad*. Dlm. Kassim Ahmad & Shahnnon Ahmad (pnyt). *Polemik Sastera Islam*, hlm. 17-27. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalil, °Imad al-Din. 1987. *Madkhal Ila Nazariyyat al-Adab al-Islamiyy*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Kilaniyy, Najib. 1987. *Al-Islamiyyah Wa al-Madhahib al-Adabiyyah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Kilaniyy, Najib. 1992. *Madkhal Ila al-Adab al-Islamiyy*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ma°aliqiyy, Munzir. 2004. *Dirasah Naqdiyyah Fi al-Adab al-Islamiyy*. Lubnan: Mu'assasah al-Hadithah Li al-Kitab.
- al-Mahs, °Abd al-Jawad Muhammad. 2000. *Al-Adab al-Islamiyy Bayn al-Asalah Wa al-Mu°asirah*. Iskandariyyah: Dar al-Misriyyah.
- Mana Sikana. 1983. *Sastera Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mohd Kamal Hassan. 1977. *Sastera Islam Satu Jenis Litterature Engagee*. Dewan Sastera Ogos.
- Mustaffa Suhaimi. 1977. *Sastera Islam*. Dewan Sastera Ogos.
- al-Nadwiyy, Muhammad al-Ra'bi al-Hasaniyy. 2005. *Al-Adab al-Islamiyy Wa Silatuhu Bi al-Hayah*. Dimasyq: Dar Ibn Kathir.
- Nurazmi Kuntum. 1991. *Teori Dan Pemikiran Sastera Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutb, Muhammad. 1983. *Manhaj al-Fan al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Qutb, Sayyid. 1983. *Fi al-Tarikh Fikrah Wa Minhaj*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- al-Rida, Sa°ad Abu. 1996. *Fi Jamaliyyat al-Adab al-Islamiyy al-Namuzaj Wa al-Nazariyyat*. t.tp: al-Majmu°at al-Muttahidah.
- Rosni Samah. 2015. *Pemikiran Sastera Islam Dalam Perkembangan Sastera Arab Moden*. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*. Vol.3. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Othman Kelantan. 1987. *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. 1980. *Sastera Melayu Dan Islam*. Dlm. Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM) (pnyt). *Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: GAPIM.
- Shahnnon Ahmad. 1980. *Sastera Melayu Dan Islam*. Dlm. Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM) (pnyt). *Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: GAPIM.
- Shahnnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan Dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shahnnon Ahmad. 1987. *Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam*. Dlm. Kassim Ahmad & Shahnnon Ahmad (pnyt). *Polemik Sastera Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Subh, °Ali °Ali. 1987. *Al-Adab al-Islami Bayn al-Nazariyyat Wa al-Tatbiq*. t.tp: t.pt.